



27 September 2017  
27 September 2017  
P.U. (B) 455

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERISYTIHARAN LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 TUN RAZAK LINK SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

*DECLARATION OF THE DUTA-ULU KELANG EXPRESSWAY  
PHASE 2 TUN RAZAK LINK AS A DESIGNATED  
FEDERAL TERRITORY ROAD*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 TUN RAZAK LINK  
SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

MENURUT takrif "jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan" dalam seksyen 67 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri, setelah berunding dengan Dato Bandar Kuala Lumpur, mengisytiharkan bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Fasa 2 Tun Razak Link yang bermula dari kilometer 0.00 (di koordinat U -109.045, T 118.474 Grid Cassini Negeri Selangor) dan berakhir di kilometer 5.77 (di koordinat U 1962.862, T 346.913 Grid Cassini Negeri Selangor), termasuklah Tanjakan Masuk dari Jalan Tun Razak, Tanjakan Keluar ke Jalan Pahang, Tanjakan Keluar ke Jalan 9/48A, Persimpangan Bertingkat Sentul Pasar 2, Pusingan U Bertingkat berhampiran Jalan Sentul, Pusingan U Bertingkat berhampiran Bandar Dalam, Plaza Tol Sentul Pasar Tambahan, Tanjakan Masuk dan Keluar di Taman Sri Setapak dan Persimpangan Bertingkat Jalan Gombak, iaitu suatu jarak sepanjang 5.77 kilometer, sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan berkuat kuasa mulai 28 September 2017.

2. Jalan yang diisyiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan itu ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL  
[perenggan 2]

PETA LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 TUN RAZAK LINK

